



29 November 2019
29 November 2019
P.U. (A) 327

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN (HARGA JUALAN MURAH) (PINDAAN) 2019

TRADE DESCRIPTIONS (CHEAP SALE PRICE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN (HARGA JUALAN MURAH)
(PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2020.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997 [P.U. (A) 424/1997], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut—

“(1) Tiada seorang pun boleh, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang dari apa-apa perihal dengan harga jualan murah bagi jualan murah yang melebihi tiga hari melainkan jika suatu notis bertulis sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal diserahkan kepada Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal tidak lewat dari satu hari sebaik sahaja sebelum tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang itu dengan harga jualan murah.”;

(b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “dengan menyerahkannya sendiri atau dengan mengirimkannya melalui pos

berdaftar atau secara elektronik” dengan perkataan “melalui apa-apa kaedah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal”; dan

- (c) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “tujuh hari” dengan perkataan “satu hari”.

Pemotongan peraturan 5

- 3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 5.

Pindaan peraturan 6

- 4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “tiga puluh hari atau apa-apa jangka masa yang Pengawal boleh tetapkan” dengan perkataan “tiga puluh satu hari”;

- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Jika penawaran bagi barang-barang yang sama perihalnya yang ditawarkan di bawah subperaturan (1) hendak dilanjutkan kepada penawaran yang melebihi tiga puluh satu hari—

- (a) penyerahan notis di bawah peraturan 3 hendaklah dilakukan; dan

- (b) barang-barang tersebut hendaklah dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada harga jualan murah yang lebih rendah daripada harga jualan murah yang telah dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan sebelumnya.”; dan

- (c) dalam subperaturan (4), dengan memasukkan selepas perkataan “melanggar subperaturan (1)” perkataan “atau (1A)”.

Pemotongan peraturan 6A

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 6A.

Pemotongan peraturan 7

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 7.

Pindaan peraturan 8

7. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud perenggan (1)(a), “harga yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu olehnya” ertinya harga yang paling akhir, selain harga semasa dalam tempoh jualan murah, yang barang-barang itu atau barang-barang yang sama perihalnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan olehnya dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan sebelum tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang itu dengan harga jualan murah.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Dalam suatu pendakwaan di bawah peraturan ini, beban untuk membuktikan bahawa harga yang paling akhir, selain harga semasa dalam tempoh suatu jualan murah, barang-barang itu atau barang-barang yang sama perihalnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan olehnya dalam perjalanan perdagangan

atau perniagaan, hendaklah terletak ke atas orang yang dipertuduhkan itu.”.

Pemotongan peraturan 9

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 9.

Pemotongan peraturan 12A

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 12A.

Pindaan peraturan 13

10. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “hendaklah” perkataan “menyatakan dalam iklan itu jangka masa jualan itu.”; dan

(ii) dengan memotong perenggan (a) dan (b);

(b) dengan memotong subperaturan (1A);

(c) dengan memotong subperaturan (1B);

(d) dengan memotong subperaturan (1C);

(e) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan berikut:

“(2) Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa pernyataan palsu atau mengelirukan dalam mana-mana iklan harga jualan murah berhubung dengan apa-apa barang-barang.”;

- (f) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah subperaturan (2), beban untuk membuktikan bahawa pernyataan yang dibuat olehnya adalah benar atau tidak mengelirukan hendaklah terletak ke atas orang yang dipertuduhkan itu.”; dan

- (g) dalam subperaturan (3), dengan memotong perkataan “,(1A), (1B)”.

Pindaan peraturan 14

11. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “ atau”;
- (b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “barang mudah rosak.” dengan perkataan “barang mudah rosak; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) mengurangkan harga barang-barang setelah mendapat kelulusan daripada Pengawal melalui permohonan bertulis.”.

Pemotongan Jadual Pertama

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Pertama.

Pemotongan Jadual Kedua

13. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Kedua.

Kecualian

14. Apa-apa penyiasatan, perbicaraan dan prosiding yang dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum permulaan kuat kuasa

Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan seolah-olah Peraturan-Peraturan itu tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 15 November 2019
[KPDNKK 600-1/2/39; PN(PU2)120/IX]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

TRADE DESCRIPTIONS ACT 2011
TRADE DESCRIPTIONS (CHEAP SALE PRICE)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 69 of the Trade Descriptions Act 2011 [Act 730], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Trade Descriptions (Cheap Sale Price) (Amendment) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 2 January 2020.

Amendment of regulation 3

2. The Trade Descriptions (Cheap Sale Price) Regulations 1997 [*P.U. (A) 424/1997*], which are referred to as the “Principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 3—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) No person shall, in the course of trade or business, supply or offer to supply goods of any description at cheap sale price for cheap sale of more than three days unless a written notice as determined by the Controller is served on the Controller, Deputy Controller or Assistant Controller not later than one day immediately prior to the date of commencement of the supply or offer to supply goods at cheap sale price.”;

(b) in subregulation (3), by substituting for the words “by delivering it personally or by sending it by registered post or electronic means” the words “by any method as determined by the Controller.”; and

- (c) in subregulation (5), by substituting for the words “seven days” the words “one day”.

Deletion of regulation 5

- 3. The principal Regulations are amended by deleting regulation 5.

Amendment of regulation 6

- 4. Regulation 6 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by substituting for the words “thirty days or any such duration as the Controller may fix” the words “thirty one days”;

- (b) by inserting after the subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) Where the offer for goods of the same description offered under subregulation (1) is to be extended to an offer of more than thirty one days—

- (a) service of the notice under regulation 3 shall be made; and

- (b) such goods shall be supplied or offered to be supplied at cheap sale price lower than the cheap sale price that has been previously supplied or offered to be supplied. ”; and

- (c) in subregulation (4), by inserting after the words “contravenes subregulation (1)” the words “or (1A)”.

Deletion of regulation 6A

- 5. The principal Regulations are amended by deleting regulation 6A.

Deletion of regulation 7

6. The principal Regulations are amended by deleting regulation 7.

Amendment of regulation 8

7. Regulation 8 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting subregulation (3) with the following subregulation:

“(3) For the purpose of paragraph (1)(a), "the price at which the goods were previously supplied or offered to be supplied by him" means the latest price, other than the current price during the cheap sale period, of the goods or goods of the same description supplied or offered to be supplied by him in the course of trade or business before the date of commencement of the supply or offer to supply the goods at cheap sale price.”; and

(b) by inserting after subregulation (4) the following subregulation:

“(5) In a prosecution under this regulation, the onus of proving that the latest price, not including the current price during the duration of a cheap sale price, of the goods or goods of the same description is supplied or offered to be supplied by him in the course of trade or business, shall lie on the person charged.”.

Deletion of regulation 9

8. The principal Regulations are amended by deleting regulation 9.

Deletion of regulation 12A

9. The principal Regulations are amended by deleting regulation 12A.

Amendment of regulation 13

10. Regulation 13 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by inserting after the word “shall” the words “specify in the advertisement the duration of the sale.”; and

(ii) by deleting paragraphs (a) and (b):

(b) by deleting subregulation (1A);

(c) by deleting subregulation (1B);

(d) by deleting subregulation (1C);

(e) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) No person shall make any false or misleading statement in any cheap sale price advertisement in relation to any goods.”;

(f) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(2A) Where any person is charged with an offence under subregulation (2), the onus of proving that the statement made by him is true or not misleading shall lie on the person charged.”; and

(g) in subregulation (3), by deleting the words “,(1A), (1B)”.

Amendment of regulation 14

11. Regulation 14 of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (c), by deleting the word “or”;

(b) in paragraph (d), by substituting for the words “perishable goods.” the words “perishable goods; or”; and

(c) by inserting after paragraph (d) the following paragraph:

“(e) reduces the price of goods after obtaining the approval from the Controller by a written application.”.

Deletion of First Schedule

12. The principal Regulations are amended by deleting the First Schedule.

Deletion of Second Schedule

13. The principal Regulations are amended by deleting the Second Schedule.

Savings

14. Any investigation, trial and proceedings done, taken or commenced under the principal Regulations immediately before the commencement of these Regulations shall, on the commencement of these Regulations, be dealt with as if the principal Regulations has not been amended by these Regulations.

Made 15 November 2019
[KPDNKK 600-1/2/39; PN(PU2)120/IX]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs